

BAB DUA : PENDAPATAN INDIVIDU

1 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor pemilihan sesuatu pekerjaan?

- A Musim perayaan
- B Kesesuaian tempat kerja
- C Bebas membuat keputusan
- D Prospek pekerjaan

2 Antara berikut, yang manakah upah benar?

- A Upah diterima dalam bentuk wang
- B Kemampuan upah wang untuk membeli barang
- C Upah yang diterima pada suatu tempoh tertentu
- D Kemampuan menghasilkan barang dan perkhidmatan

3 Jadual di bawah menunjukkan peratus pekerjaan penduduk di daerah Sungai Puteri.

Pekerjaan	Peratus (%)
Pengurus firma	10
Penternak biri-biri	35
Tukang masak tentera	20
Juruteknik kilang	15
Pembantu kedai	30

Berapakah peratus penduduk yang terlibat dalam sektor kedua?

- A 25%
- B 45%
- C 50%
- D 60%

4 Berikut adalah maklumat mengenai Puan Zubai.

Puan Zubai, pemilik sebuah restoran, bekerja sebagai seorang pengurus syarikat dengan gaji RM3000 sebulan. Beliau mempunyai simpanan RM18000 didalam akaun simpanan tetap dan mempunyai faedah 10% setahun. Anak sulung beliau memberi RM200 setiap bulan. Selain itu, beliau juga menyewakan 2 buah rumah kedainya dengan kadar bulanan RM300 sebulan. Sebagai pemilik sebuah restoran beliau memperoleh keuntungan sebanyak RM1500 sebulan.

Berapakah jumlah pendapatan bulanan yang diterima oleh Puan Zubai?


- A RM5250
- B RM5450
- C RM6800
- D RM7100

5 Pilih langkah penyediaan belanjawan peribadi yang baik.

- I. Mencatat semua perbelanjaan yang dilakukan
- II. Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- III. Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
- IV. Mengimbangkan pendapatan dengan perbelanjaan

- A I, II, III dan IV
- B II, III, IV dan I
- C III, I, II dan IV
- D IV, I, II dan III

6 Rajah di bawah menunjukkan pendapatan boleh guna.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Caruman KWSP	Membayar zakat
B	Caruman PERKESO	Membayar sewa rumah
C	Potongan Tabung Haji	Membayar cukai pendapatan
D	Potongan pinjaman koperasi	Membayar cukai tanah

7 Berikut adalah rumus bagi

$$S = \frac{\text{Upah Wang}}{\text{Harga Purata}}$$

Apakah S dalam persamaan di atas?

- A Upah benar
- B Perbelanjaan
- C Tabungan
- D Pendapatan bersih

8 Antara berikut yang manakah potongan wajib?

- I Caruman Perkeso
- II Ansuran kereta
- III Premium insurans
- IV Cukai Pendapatan perseorangan
- A I dan II
- B II dan IV
- C III dan IV
- D I dan IV

9 Manakah antara berikut merupakan bayaran pindahan?

- A Sewa tanah
- B Wang pampasan
- C Dividen Amanah Saham Nasional
- D Faedah tabungan

10 Pernyataan yang manakah menunjukkan perbezaan antara keperluan dan kehendak individu?

	Keperluan	Kehendak
A	Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	Dipengaruhi oleh pendapatan
B	Barang yang pelbagai jenis	Barang yang sama jenis
C	Tidak mempunyai unsur kemestian	Mempunyai unsur kemestian
D	Harga barang tidak dikawal oleh kerajaan	Harga barang dikawal oleh kerajaan

11 Jadual di bawah menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan Encik Khan bagi bulan Jun.

Butiran	RM
Upah	2 500
Makanan dan minuman	800
Bonus	1 200
Dividen	100
Premium insurans	200

Berapakah jumlah pendapatan Encik Khan?

- A RM 2 500
- B RM3 700
- C RM 3 800
- D RM 4 000

12. Mengapakah pengguna membuat pinjaman?
A Mendapatkan keuntungan pada masa depan
B Membeli barang tahan lama
C Mengurangkan pembayaran cukai
D Memulakan perniagaan
13. Gambar di bawah menunjukkan aktiviti dalam suatu sektor ekonomi.



Apakah sektor yang terlibat dalam gambarajah di atas


- A Sektor utama
B Sektor sekunder
C Sektor kerajaan
D Sektor perkhidmatan
14. Berikut adalah maklumat mengenai Cik Masitah

Cik Masitah memilih pekerjaan sebagai seorang pensyarah di sebuah universiti tempatan kerana ingin mendapatkan peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara

Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang menyebabkan Cik Masitah memilih pekerjaan sebagai seorang pensyarah

- A Upah yang tinggi
B Prospek pekerjaan yang cerah
C Mendapat ijazah dari luar negara
D Suasana tempat kerja yang selesa
15. Antara yang berikut, yang manakah faktor mendorong individu bekerja dengan pihak lain?
- I Menerima gaji tetap
II Peluang kenaikan pangkat
III Berani menanggung risiko
IV Bebas membuat keputusan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III

- D III dan IV
- 16 Antara berikut, yang manakah bukan merupakan pendapatan individu
 A upah
 B faedah
 C zakat
 D bayaran pindahan
- 17 Pendapatan yang diterima oleh seseorang individu yang tidak menjalankan aktiviti ekonomi dikenali sebagai
 A Faedah sampingan
 B Bayaran pindahan
 C Upah benar
 D Bonus
- 18 Antara berikut, manakah merupakan upah wang?
 I Keupayaan menghasilkan barang
 II Keupayaan untuk membeli barang
 III Upah yang diterima pada suatu tempoh tertentu
 IV Upah yang diterima dalam bentuk sen dan ringgit
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 19 Rajah di bawah menunjukkan jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Wan



Apakah jenis pendapatan tersebut?

- A Upah dan sewa
 B Untung dan faedah
 C Faedah dan upah
 D Untung dan sewa

20 Berikut adalah maklumat mengenai Puan Nalini.

Puan Nalini menyimpan RM5000 dalam akaun simpanan tetap di AmBank Berhad.

Jika kadar faedah simpanan ialah 4% setahun, hitungkan jumlah faedah yang diterima oleh Puan Nalini jika beliau menyimpan selama 5 tahun.

- A RM200
- B RM1000
- C RM5200
- D RM6000

21 Pendapatan boleh guna boleh dibelanjakan untuk perkara-perkara berikut .

- I Sewa rumah
 - II Caruman KWSP
 - III Caruman PERKESO
 - IV Premium insurans nyawa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Berikut maklumat mengenai pendapatan dan pembayaran yang dilakukan oleh Encik Yusri.

Butiran	RM
Pendapatan	45 000
Caruman KWSP	4 960
Cukai pendapatan	1 600
Ansuran kereta	6 000

Kirakan pendapatan boleh guna Encik Yusri, jika beliau membayar zakat 2.5% daripada pendapatan yang diterimanya.

- A RM31 315
- B RM30 190
- C RM32 440
- D RM37 315

23 Pelepasan cukai terdiri daripada

- I zakat
- II ansuran kereta
- III insurans kebakaran
- IV perubatan ibu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Maklumat berikut menunjukkan butiran pendapatan dan bayaran yang telah dibuat oleh Encik Hisham dan pelepasan cukai yang dibenarkan.

Butiran	Jumlah (RM)
Pendapatan tahunan	35 000
Caruman KWSP	3 850
Bayaran zakat	350
Pelepasan cukai yang dibenarkan	
Diri sendiri	8 000
Isteri	3 000
Anak (seorang)	1 000

Encik Hisham mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan 3 orang anak yang masih bersekolah. Hitungkan pendapatan boleh cukai Encik Hisham

- A RM 16 800
- B RM 17 150
- C RM 18800
- D RM 19150

25 En Mokhtar menerima gaji RM3 500 sebulan, kadar caruman KWSP bagi pekerja ialah 11% dan bagi majikan ialah 12%. Hitungkan caruman En. Mokhtar dalam setahun.

- A RM 385
- B RM 805
- C RM 4620
- D RM 5040

26 Apakah kepentingan belanjawan peribadi?

- I Membantu mengelakkan inflasi
- II Membantu mengelakkan pembaziran
- III Membantu meningkatkan pendapatan individu
- IV Membantu meningkatkan perbelanjaan individu
- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

27 Rajah di bawah menunjukkan langkah-langkah menyediakan belanjawan peribadi.

- | | |
|---|---|
| 1 | Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib |
| 2 | _____ |
| 3 | Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan |
| 4 | Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan |

Kenal pasti langkah ke-2 dalam rajah di atas

- A Mencatat jumlah hutang keseluruhan
- B Mencatat semua perbelanjaan yang telah dibuat
- C Mencatat semua perbelanjaan yang hendak dibuat
- D Mencatat semua keperluan dan kehendak mengikut kepentingan peribadi

28 Berikut adalah maklumat mengenai Encik Ahmad

En. Ahmad ingin memulakan perniagaan kerepek ubi dan memerlukan jumlah modal sebanyak RM 40 000

Antara institusi kewangan berikut, yang manakan menyediakan sumber pinjaman yang diperlukan oleh beliau?

- I Maybank Berhad
 - II Public Finance Berhad
 - III Affin Merchant Bank Berhad
 - IV Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

29 Antara berikut yang manakah merupakan aktiviti pelaburan?

- A Pembelian saham
- B Pembelian bahan mentah
- C Pembelian polisi insurans
- D Pembelian surat jaminan kerajaan

KERTAS SOALAN TAMAT